



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM 2103
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam borang jawapan objektif yang telah disediakan.

1. Apakah takrif gelagat organisasi?
 - A. Satu unit sosial yang bergabung bagi mencapai matlamat yang sama.
 - B. Satu unit sosial yang terdiri daripada dua atau lebih individu berinteraksi antara satu sama lain bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
 - C. Satu disiplin akademik yang mengkaji tentang perhubungan yang dinamik di dalam kepelbagaian komponen organisasi dan kesannya terhadap kelakuan manusia dalam organisasi.
 - D. Individu yang terdapat di dalam organisasi yang mempunyai matlamat yang sama
2. Antara konflik yang manakah berlaku apabila individu menghadapi lebih daripada satu pendapat yang berbeza terhadap seseorang pekerja?
 - A. *Intra-sender role conflict*
 - B. *Inter-sender role conflict*
 - C. *Inter-role conflict*
 - D. *Person-role conflict*
3. Antara berikut merupakan proses persepsi. Susun semula proses-proses tersebut secara meningkat.
 - i penerimaan
 - ii pemrosesan
 - iii pengaruh
 - iv output
 - v reaksi
 - A. i, ii, iii, iv dan v
 - B. i, ii, iv, iii dan v
 - C. i, iii, v, ii dan iv
 - D. ii, i, iii, v dan iv

4. Apakah jenis masalah persepsi sekiranya seseorang itu berpakaian kemas dan rapi sebagai seorang pegawai tinggi.
 - A. Sifat
 - B. Stereotaip
 - C. Percaya dan *inferens*
 - D. Kesan halo dan kesan tanduk
5. Clayton Alderfer telah mengkaji teori motivasi yang mengantikan lima keperluan menjadi tiga unsur utama dalam Teori Hierarki Maslow. Apakah teori motivasi seperti pernyataan di atas?
 - A. Teori ERG
 - B. Teori Ekuiti
 - C. Teori Jangkaan
 - D. Teori Penetapan Matlamat
6. Apakah yang dikemukakan oleh Mc Gregor dalam teori Y?
 - A. Pekerja mempunyai kemampuan daya usaha untuk membuat sesuatu kerja tanpa disuruh.
 - B. Pekerja yang terpaksa diugut, dikawal dan dipaksa untuk melakukan kerja untuk mencapai matlamat organisasi.
 - C. Pekerja perlu dipenuhi beberapa keperluan terlebih dahulu untuk membuat kerja
 - D. Pekerja yang membandingkan hasil kerjanya dengan pekerja yang lain
7. Hujah hubungan yang manakah menganggap bahawa jika organisasi membuat pekerja gembira, mereka akan membalaik dengan menjadi lebih produktif dalam membuat kerja?
 - A. Prestasi kepuasan usaha
 - B. Kepuasan punca prestasi
 - C. Prestasi punca kepuasan
 - D. Ganjaran menyebabkan kedua-dua kepuasan dan prestasi

8. Manakah di antara berikut adalah pilihan yang paling memberikan kepuasan kerja kepada pekerja?
 - A. Pengurus
 - B. Sifat pekerjaan
 - C. Gaji dan faedah
 - D. Pengalaman

9. Kenalpasti apakah jenis gaya yang telah dibuktikan oleh Blake and Mouton?
 - A. Pengurusan Kerja Berpasukan
 - B. Pengurusan Tugas
 - C. Pengurusan Daif
 - D. Pengurusan Selesa

10. Siapakah yang berperanan sebagai penghubung antara pekerja dan pihak atasan?
 - A. Penyelia
 - B. Pengurus
 - C. Pekerja
 - D. Ketua Jabatan

11. Puan Fatimah seorang penyelia yang sentiasa datang awal ke tempat kerja dan sentiasa menyiapkan kerja tepat pada masanya. Ini menunjukkan Puan Faimah seorang penyelia yang _____ ?
 - A. Mentor
 - B. Bermotivasi
 - C. *Role Model*
 - D. Penghubung

12. Berdasarkan rajah di bawah kenalpasti perkataan yang sesuai untuk tempat yang bertanda y?

		<i>Known to self</i>	<i>Unknown to self</i>	
		<i>Known to other</i>	<i>Open</i>	<i>Blindspot</i>
<i>Unknown to Other</i>	<i>Known to self</i>	<i>Open</i>	<i>Blindspot</i>	
	<i>y</i>		<i>Unknown</i>	

- A. *Unclear*
- B. *Ambiguity*
- C. *Direct*
- D. *Hidden*

13. Ahmad seorang pekerja yang sering balik lewat ke rumah. Beliau merasakan bahawa dia seorang yang rajin bekerja. Beliau ditegur oleh pengurusnya, kerana tidak cekap dalam melakukan kerja walaupun beliau pulang lewat. Kenalpasti situasi yang bersesuaian dengan pernyataan di atas.

- A. *Façade*
- B. *Blindspot*
- C. *Unknown*
- D. *Open*

14. Teori kepimpinan yang manakah menekankan tingkahlaku pemimpin yang mempunyai dua kategori iaitu pekerja berpusat dan pengeluaran berpusat?

- A. Teori Z
- B. Teori Y
- C. Kajian Ohio State
- D. Kajian University Michigan

15. Semua yang berikut adalah pendekatan organisasi dalam mengurangkan tekanan **KECUALI**

- A. Teknik merehatkan diri
- B. Mereka bentuk semula kerja
- C. Kekurangan sokongan sosial
- D. Pemilihan dan penempatan pekerja

16. Manakah di antara personaliti berikut akan mengalami tekanan dalam dan diluar pekerjaan?

- A. Personaliti A
- B. Personaliti B
- C. Pengurus
- D. Organisasi

17. Kenalpasti manakah kumpulan yang dibentuk berdasarkan hierarki dan fokus untuk mencapai matlamat organisasi?

- A. Pasukan
- B. *Brainstorming*
- C. Kumpulan formal
- D. Kumpulan tidak formal

18. Manakah antara berikut **BUKAN** dibawah objektif "Perubahan"?

- A. Meningkatkan motivasi
- B. Pemindaian pekerja
- C. Mengurangkan konflik
- D. Meningkatkan daya pengeluaran

19. Pembangunan organisasi adalah kaedah untuk mengubah?

- A. Manusia
- B. Teknologi
- C. Struktur
- D. Keadaan fizikal tempat kerja

20. Manakah antara berikut merupakan contoh kepada jenis-jenis kumpulan tidak formal?

- A. Mesyuarat
- B. Koperasi
- C. Kelab rekreasi
- D. Minum petang bersama pengurus

[20 MARKAH]

SULIT

BAHAGIAN BBahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan definisi konflik. (2 markah)
- b. Terangkan **EMPAT (4)** peranan konflik. (8 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan definisi persepsi. (2 markah)
- b. Jelaskan **EMPAT (4)** masalah persepsi yang sering timbul dalam organisasi. (8 markah)

SOALAN 3

Lukiskan rajah berserta huraian teori yang diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow
(10 markah)

SOALAN 4

Jelaskan **LIMA (5)** bagaimana kumpulan membuat keputusan
(10 markah)

[40 MARKAH]

SULIT

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Setiap organisasi tidak boleh lari dari membincangkan tentang tekanan. Tekanan akan memberi impak kepada individu dan organisasi secara umumnya. Termasuklah kesan positif dan kesan negatif. Adalah penting bagi seseorang pengurus untuk mengurus tekanan di dalam organisasinya secara bijak.

- a. Bandingkan personaliti Jenis A dan Jenis B

(10 markah)

- b. Bincangkan strategi **LIMA (5)** pengurusan tekanan

(10 markah)

SOALAN 2

Dalam perjalanan sambil tersenyum, Hassan melangkah tangga pejabatnya, Pengurus Hassan melihat beliau dan membisikkan kepada Hafiz iaitu rakan sekerja Hassan bahawa Hassan seorang pekerja yang bagus kerana sering memberikan yang terbaik dalam hasil kerjanya, dan beliaulah perkerja terbaik yang saya pernah ada. Hafiz menyetujui pengurusnya bahawa Hassan sangat seronok dengan kerja yang dilakukan. "Jika hendak meningkatkan lagi prestasi beliau, tuan patut melakukan apa sahaja yang tuan rasa boleh untuk membantu beliau meningkatkan lagi prestasinya". Kata Hafiz kepada pengurusnya.

- a. Berdasarkan perbualan diatas, adakah kepuasan kerja yang tinggi menyebabkan peningkatan dalam prestasi kerja? Bincangkan **LIMA (5)** sumber kepuasan kerja yang diperolehi oleh pekerja.

(10 markah)

- b. Terangkan **LIMA (5)** kepentingan kepuasan kerja dalam diri seseorang.

(10 markah)

SOALAN 3

Kehidupan itu sendiri adalah sama dengan konsep perubahan. Semua organisasi mesti berfungsi sesuai dengan permintaan persekitarannya supaya selaras dengan kemajuan. Dalam hal ini perubahan adalah sesuatu yang mesti diterima dan dilakukan bagi menjamin jangka hayat organisasi.

- a. Berikan definisi perubahan (1 markah)
- b. Terangkan **TIGA (3)** peringkat perubahan (10 markah)
- c. Bincangkan jenis halangan kepada perubahan (9 markah)

SOALAN 4

Penyeliaan merupakan aspek penting dalam menjamin kejayaan sesebuah organisasi. Ini kerana penyelia merupakan antara orang terpenting dalam memastikan setiap pekerja menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna di bawah kawalannya.

- a. Definisi penyelia. (2 markah)
- b. Terangkan **TIGA (3)** pandangan berkaitan konsep kepimpinan sebagai seorang penyelia. (9 markah)
- c. Jelaskan **TIGA (3)** masalah yang akan timbul dalam setiap proses kawalan. (9 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

